

## KERATAN AKHBAR



AKHBAR	:	KOSMO		
TARIKH	:	15/6/2017	MUKA SURAT	: 23
JABATAN	:	UMUM		
KLASIFIKASI	:	<b>MAKLUMAN</b>		

# Pupuk kesedaran urus sisa pepejal

Di sebalik kepesatan negara mengorak langkah menjadi negara maju, kesedaran masyarakat dalam menguruskan sisa pepejal masih di tahap yang kurang memuaskan. Masyarakat di negara ini dilihat bersikap tidak ambil peduli terhadap persekitaran dengan membuang dan melonggokkan sampah sarap merata-rata.

**Pensyarah Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Prof. Dr. Zaid Ahmad**



**ZAID**

berkata, isu pengurusan sisa pepejal dalam kalangan masyarakat bukanlah perkara baharu di negara ini. Menurutnya, proses urbanisasi ke sesuatu kawasan sehingga menyebabkan berakunya kepadatan penduduk akan menyebabkan pengurusan sisa pepejal menjadi lebih kritikal.

“Negara kita semakin maju dan proses urbanisasi seniasa berlaku sehingga sebuah kawasan itu mempunyai kepadatan penduduk

yang tinggi di bandar-bandar besar. Lagi ramai penduduk di sesuatu kawasan lagi banyak sisa pepejal akan terhasil,” jelasnya. Beliau ketika dihubungi memberitahu, masalah ini menjadi kritikal disebabkan minda segelintir masyarakat yang tidak berubah, pentingkan diri sendiri dan tidak mengambil berat dalam menguruskan sisa pepejal.

Dalam pada itu, Zaid berkata, berbanding negara maju lain seperti Jepun, rakyatnya amat berdisiplin dalam menguruskan sisa pepejal dan sikap itu perlu

dicontohi.

“Sejak di peringkat sekolah lagi para pelajar di negara itu telah didedahkan dengan kepentingan menghargai alam sekitar dan mereka yang menjadi ejen perubahan apabila dewasa kelak.

“Pada peringkat awal persekolahan mereka tidak terlahu mementingkan akademik, sebaliknya pelajar didedahkan dengan kemahiran kehidupan terlebih dahulu untuk menjadi manusia yang baik dan bertanggungjawab dalam pelbagai aspek,” ujarnya.